



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

TRANSIT PALSU TERBONGKAR, KLIA HANTAR 105 WARGA ASING PULANG

SEPANG, 31 Mei 2025 – Cubaan licik warganegara asing untuk memasuki Malaysia dengan menggunakan helah transit terbongkar apabila pasukan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya mengesan taktik tersebut, Khamis lepas.

Dalam satu operasi pemantauan baru-baru ini, lebih 400 individu dari Bangladesh, Pakistan, dan India telah diperiksa dan didapati 105 orang daripada mereka tidak memenuhi syarat kemasukan dan telah diarahkan pulang.

Taktik yang digunakan adalah mengaku hanya transit di Malaysia sebelum menuju ke negara ketiga. Namun, hasil siasatan bersama syarikat penerbangan mendapati tiket penerbangan ke negara ketiga telah dibatalkan sebaik sahaja mereka menaiki pesawat ke KLIA, dan ini merupakan salah satu helah yang bertujuan mengaburi pegawai imigresen.

AKPS akan terus mempertingkatkan pengawasan di semua pintu masuk negara, menambah baik mekanisme semakan, dan melakukan saringan teliti terhadap setiap individu yang masuk atau keluar dari Malaysia

AKPS menegaskan bahawa tiada kompromi akan diberikan kepada mana-mana pihak, termasuk pegawai yang cuai atau bersubahat dengan mengenakan tindakan tatatertib serta undang-undang yang tegas kepada mereka.

Nota: Tiada gambar untuk siaran media ini.

31 MEI 2025

**UNIT KOMUNIKASI DAN KORPORAT AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN
SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**